

**SOALAN NO. 27**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Gombak Integrated Transport Terminal (GITT) yang terletak berhampiran dengan Stesen LRT Gombak telah pun mula dibina sejak September 2017. Sehingga bulan Februari 2018, kemajuan projek telah mencapai 13% iaitu 3 hari lebih awal dari yang dirancang. Ianya dijangka siap pada penghujung Disember 2019 yang akan dikendalikan oleh syarikat Terminal Bersepadu Gombak Sdn. Bhd. (TEGAS) di mana ianya bakal memberi perkhidmatan kepada semua laluan terutamanya bas ekspres koridor timur.

Sekian, terima kasih.